

03/11/1999

Presiden Mwalimu Julius Nyerere dalam kenangan

Tan Sri Ghazali Shafie

MWALIMU Nyerere sudah tidak ada lagi bersama kita. Saya kenal baik dengan Mwalimu Nyerere sewaktu beliau masih memegang jawatan Ketua Negara Tanzania iaitu sebuah negara gabungan Tanganyika dan Zanzibar. Usaha menggabungkan dua wilayah dengan penduduk yang berlainan itu dilakukan dengan sempurna dan kekal hingga sekarang. Penyatuan rakyat Islam di Pulau Zanzibar dengan bukan Islam di tanah besar Afrika adalah satu perkara yang sangat murni diusahakan oleh Mwalimu kerana dia sungguh percaya bahawa manusia itu lebih senang bergabung daripada bersengketa dan berpecah belah walaupun agama atau kulit berlainan.

Kelemahan Mwalimu adalah dari segi kepercayaannya dengan sistem ekonomi berdasarkan sosialisme. Kita di Malaysia juga senang bergabung mewujudkan satu negara Malaysia tetapi sistem ekonomi kita tidak terikat dengan satu idealogi. Kita bebas menentukan apa yang patut dibuat untuk rakyat dan kita bersikap pragmatisme. Kita tidak peduli dengan doktrin Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) atau lain. Juga Mwalimu percaya bahawa tidak ada faedah masyarakat negara membangun berebut-rebut peranan untuk pembangunan rakyat kerana dengan cara itu negara boleh dikacau bilaukan sehingga satu apapun tidak mungkin berlaku. Dengan menggunakan kuasa politik, Mwalimu memerintah Tanzania dengan cara satu parti sahaja untuk mengelakkan persengketaan sesama sendiri dalam bentuk demokrasi barat. Kita di Malaysia juga percaya bahawa kestabilan politik dan masyarakat itu sangat penting dalam usaha pembangunan. Tetapi kita tidak menggunakan kuasa politik atau undang-undang untuk memerintah dengan cara satu parti saja. Kita menggunakan pujuk rayu untuk bergabung, mulanya Perikatan kemudian apabila sudah wujud Malaysia, maka Perikatan diperbesarkan menjadi Barisan Nasional (BN) sebagai satu parti politik yang disokong rakyat dengan cara demokrasi.

Walau begitupun Mwalimu itu sangat insaf akan kelemahan-kelemahan politik di Tanzania. Apabila sampai waktunya dia sendiri menarik diri dari jawatannya diganti oleh seorang Presiden Muslim. Proses demokrasi diguna sekarang berjalan lancar dan baik.

Walaupun beliau tidak lagi giat dengan politik Tanzania, penghormatan masih diberi dalam hayatnya oleh negaranya. Seluruh Afrika menghormatinya; maka adalah menjadi satu tekanan fikiran kepada beliau bahawa masyarakat Afrika di selatan Sahara yang mengelilingi Tasik Victoria itu hendaknya hidup aman dan damai tanpa persengketaan berdarah yang membantutkan pembangunan dan bantuan luar kerana ketakutan tanpa kestabilan masyarakat dan politik. Maka kita lihat Mwalimu ligat ke sana sini dalam usaha mententeramkan keadaan. Afrika Selatan waktu itu masih dengan polisi Apartheidnya dan ini adalah satu barah yang melemahkan Afrika dalam sanubari beliau dan bersama-sama kuasa lain berikhtiar membasmi Apartheid.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia), juga sedang memikirkan bagaimana pembangunan boleh dilakukan di setiap negara membangun, berpendapat bahawa sebagai satu cara penting ialah negara-negara membangun atau apa yang biasa digelar Selatan hendaklah bekerjasama untuk mencari satu kesimpulan. Dalam usaha itu Dr Mahathir ternampak Mwalimu langsung diajaknya mengetuai satu suruhanjaya negara membangun. Ini berlaku selepas Dr Mahathir berbincang dengan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia dan Persekutuan Dunia Ketiga (Third World Federation). Pada mulanya Mwalimu enggan kerana dia berasa tugas itu terlalu besar tetapi melihatkan Dr Mahathir di Dar-es-Salaam

benar-benar berkehendakan jasa baiknya, maka Mwalimu pun sanggup dengan dorongan kuat daripada tokoh-tokoh negara membangun lain. Dr Mahathir mengisytiharkan pembentukan Suruhanjaya Selatan (South Commission) diketuai Presiden Nyerere di Persidangan Negara Berkecuali (Non-Aligned Conference) di Harare pada 1986. Maka suruhanjaya itu mula bertugas pada 1989.

Saya diperintah oleh Dr Mahathir menjadi seorang anggota suruhanjaya itu. Pada mulanya saya agak teragak-agak kerana saya telah menyaksikan kelemahan ideologi yang digunakan di Tanzania. Usaha itu tidak berhasil sama sekali. Saya khuatir mungkin saya bercanggah dan berselisih pendapat dengan beliau; ini tidak akan dipandang baik. Tetapi apabila saya menimbangkan bahawa ada eloknya kalau seorang pemimpin itu sedar akan kelemahannya dan tidak akan mengulangnya maka saya pun menjawab dengan senang menerima perintah Dr Mahathir itu.

Dengan kurnia Allah yang maha besar maka Suruhanjaya itu dapat membuat satu laporan dan perakuan yang diterima oleh semua anggotanya baik kominis dari Cuba atau penerima hadiah Nobel dari Pakistan dan jua kapitalis dari Kuwait dan beberapa sosialis dari Afrika.

Suruhanjaya yang dipimpin oleh Mwalimu itu melawat dan berbincang dengan beberapa cendekiawan dari segi politik dan ekonomi. "Working dan expert groups" dari Suruhanjaya itu juga rapat beberapa kali di negara membangun dan juga di pusat-pusat negara maju.

Mwalimu sendiri pergi bertugas dalam tempoh Suruhanjaya itu ke Peru, Venezuela, Uruguay, Argentina, Brazil, Cuba, Malaysia, Indonesia, Philippines, Thailand, Bangladesh, India, Sri Lanka, Zimbabwe, Pakistan, Ethiopia, Djibouti, Somalia, Kenya, Gabon, Sudan, Mozambique, Kuwait, Nicaragua, Costa Rica, Guyana, Trinidad, Nigeria, Ghana, Gambia, Yugoslavia, Senegal, Mali, Iran, Iraq, Syria, Libya, Cape Verde, Tunisia, Egypt dan China.

Ke Kuala Lumpur tidak kurang daripada tiga kali. Di Kuala Lumpur jua beliau menghadiri rapat pertama Group 15 ditaja oleh Dr Mahathir pada 6 Februari 1991 yang diperakukan oleh Mwalimu dalam laporannya. Sekarang G 15 itu masih bergerak memberi harapan kepada negara-negara membangun.

Saya selaku anggota Suruhanjaya itu sangat berbangga dapat berkhidmat dengan pimpinan seorang tokoh yang tidak ada bandingannya dari segi memperkuat kerjasama, meningkat semua pendapat pelbagai ideologi.

Laporan dan perakuan Suruhanjaya dikirim ke seluruh dunia membangun dan juga beberapa negara maju. Saya yakin bahawa pembangunan itu terletak di tangan masyarakat yang mahu dan berkehendakan kemajuan dan bukan diusahakan oleh orang lain. Laporan menunjukkan pembangunan adalah berpusat di masyarakat (people centred).

Mwalimu sendiri memberi saya satu pantun dalam bahasanya; terjemahnya kurang lebih berikut:

Hey! Arnab kemana kau

Aku hendak membunuh Gajah

Bolehkah?

Aku akan cuba dan cuba dan cuba lagi.

Pada rapat penutupan Mwalimu berkata kepada anggota Suruhanjaya bahawa tugasnya jauh dari selesai dan hendaklah satu PUSAT SELATAN (South Centre) diwujudkan untuk menyebarkan semua perkara yang patut diambil berat oleh semua negara bermaksud manusia boleh hidup dengan sempurnanya. Pada 1995, PUSAT SELATAN (South Centre) diwujudkan sebagai satu badan tetap untuk negara membangun. Pusat itu diketuai oleh Mwalimu dengan beberapa cendekiawan dan cerdik pandai yang memikirkan soal pembangunan. Mereka itu bebas mengeluarkan buah fikiran dan memberi pendapatnya tanpa tunjukan dari mana pihak pun. Satu daripada usaha Pusat ialah dengan bantuan Indonesia (Suharto) satu pandangan negara selatan mengenai PBB (UN)

dikarang supaya PBB itu boleh bermakna besar dan demokratis. Kertas kerja itu dibentangkan di NAM 1995 yang berlangsung di Cartagena, Colombia.

Bolehlah dikatakan bahawa Mwalimu seorang yang unik dan dengan pemergiannya maka padamlah sebuah lampu dari Afrika yang boleh menerangkan dunia. Mudah-mudahan segala jasa dan pemikirannya tidak disia-siakan dan PUSAT SELATAN itu dibantu berterusan oleh negar selatan dan barat yang faham akan maksudnya. Soalnya sekarang siapalah yang akan menggantinya di Pusat itu. Pada hemat saya Perdana Menteri Dr Mahathirlah seorang tokoh yang sesuai.

Paradigma mungkin berubah dengan usaha untuk kemajuan manusia berterusan lagi berkekalan dari setapak ke setapak. Janganlah hendaknya dunia melupakan Mwalimu Nyerere yang memilih tajuk lapuran Suruhanjaya Selatan iaitu CABARAN SELATAN yang juga memperakukan CABARAN BERSAMA UTARA SELATAN. Adakah pilihan lain untuk masyarakat dunia daripada berkongsi untung nasib?

(END)